

Harga gula tidak dinaikkan - PM

KUALA LUMPUR 27 Julai -Kerajaan tidak bercadang menaikkan harga gula kerana ia akan memberi kesan kepada peningkatan kos hidup rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat sebelum ini telah melalui era kenaikan minyak dan tidak seharusnya mereka dibebankan lagi dengan kenaikan barangan yang lain.

Beliau berkata, kerajaan amat berhati-hati dalam perkara tersebut kerana kenaikan harga gula akan mengakibatkan harga bahan-bahan lain seperti makanan turut meningkat.

"Pada waktu ini, kita tidak bercadang untuk berbuat demikian kerana kita tahu

jika harga gula naik ia akan membawa kepada kenaikan harga barang-barang lain yang mengguhakan gula," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyempurnakan Sambutan Hari Pengguna 2006 di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal, Timbalannya, Datuk S.Veerasingam, Setiausaha Parlimen kementerian, Hoo Seong Chang dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Talaat Husain.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai cadangan pengilang

gula untuk memohon kepada kerajaan supaya menaikkan harga gula.

Isu tersebut menjadi perhatian baru-baru ini, ekoran kesukaran pengguna untuk mendapatkannya di pasaran berikutan terdapat pemborong yang tidak bertanggungjawab menyorokkan bahan itu.

Ekoran itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil beberapa langkah drastik termasuk mengetatkan lagi penguatkuasaan bagi memastikan keadaan itu dapat dipulihkan segera.

Sementara itu ketika mengulas perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara kerajaan dengan pasar raya

besar hari ini Perdana Menteri berkata, ia merupakan satu usaha yang mampu memberi impak besar dari segi pasaran barangan keluaran tempatan.

Katanya, selain itu, pengusaha tempatan akan lebih bersungguh-sungguh untuk mengeluarkan produk yang lebih berkualiti supaya barangan keluaran mereka mampu bersaing apabila ia ditempatkan di pasar raya besar tersebut.

"Bagi saya langkah yang diambil kerajaan akan memberikan satu peluang yang cukup luas kepada pengusaha tempatan untuk memudahkan mereka memasarkan produk-produk buatan Malaysia," ujarnya.